

Wadah Pembaharuan

BH

BeritaHarian

2 JANUARI 2023

20

Pendidikan



Misi Jelajah Kesukarelawan Jelebu anjuran Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM peluang terbaik untuk pelajar mengenali masyarakat luar kampus dan terbabit dengan aktiviti kesukarelawanan

Peluang berbakti, dekati Orang Asli

Perkampungan suku Temuan Baner Tengkoh jadi pilihan siswa USIM

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap +bhpendidikan@bh.com.my

Jelebu: Menyedari kepentingan pelajar universiti terbabit dalam aktiviti kesukarelawan, Lajnah Kebajikan dan Kemasyarakatan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan program Misi Jelajah Kesukarelawan Jelebu.

Program yang mendapat kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu serta MyFundAction itu diadakan di Kampung Orang Asli

Baner Tengkoh, di sini disertai sekitar 42 pelajar dan 50 keluarga Orang Asli.

Semai aktiviti kesukarelawan Pengarah program, Ilyy Insyirah Mohd Asri, berkata pengajurannya bertujuan memberi pendekaran kepada pelajar berinteraksi dengan masyarakat luar kampus selain menanam minat dan kesedaran mengenai aktiviti kesukarelawan dalam kalangan mahasiswa.

Katanya program itu juga dibuat bagi menyokong inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) dalam perhimpunan agung PBB pada September 2015.

“Fokus program menjurus kepada matlamat tiada kemiskinan selari dengan satu daripada 17 tunutan SDG.

“Program ini diharap dapat memberi kesan kepada kumpulan sasaran yang terbabit dalam misi jelajah ini,” katanya.

Tegas Ilyy Insyirah, antara aktiviti yang dibuat sepanjang program berkenaan termasuklah gotong-royong, sukaneka selain pemberian sumbangan.

Tambahanya, pelaksanaan program seperti ini diharap dapat melahirkan pelajar holistik dalam segenap aspek terutamanya membabitkan sumbang bakti kepada masyarakat selain memupuk nilai keprihatinan dan rasa kebersamaan pelajar terhadap komuniti.

“Kami memilih Kampung Orang Asli Baner Tengkoh berikutan penduduk di sana masih lagi memerlukan sokongan dan bantuan pihak luar.

“Selain itu ia adalah peluang terbaik untuk pelajar mempelajari dan memahami adat resam Orang Asli dari suku Temuan,” katanya.